A **Huang Ai-O dan satu lagi lwn Yoon Sang Ki dan satu lagi**

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — GUAMAN NO 22–10 TAHUN 2007
B AHMADI ASNAWI PK
29 MAY 2008

C *Prosedur Sivil — Penzahiran — Permohonan untuk penzahiran dokumen — Elemen-elemen penting — Budi bicara mahkamah untuk membenarkan dan mengarahkan penzahiran dokumen — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 24 kk 10, 12*

D

Plaintif-plaintif di dalam kes ini telah memfailkan satu permohonan untuk injuksi terhadap kedua-dua defendan bagi menuntut sejumlah wang sebanyak RM1,521,255 dan RM356,147.64. Dalam permohonan tersebut plaintif-plaintif mendakwa bahawa defendan-defendan ada memasuki
E perjanjian-perjanjian yang dipertikaikan iaitu; (1) dua perjanjian bertarikh 7 Januari 2006 yang masing-masing berjumlah RM380,000 dan RM1j; (2) satu perjanjian jual beli saham yang bertarikh 20 April 2006; dan (3) satu perjanjian yang bertarikh 20 November 2006. Kesemua perjanjian tersebut telah diekshibitkan dan mahkamah telah membenarkan perintah injunksi
F tersebut. Defendan-defendan oleh itu dalam permohonan ini telah memohon kepada mahkamah menurut A 24 k 10 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'), untuk mengarahkan plaintif-plaintif mengemukakan dokumen-dokumen asal yang telah diekshibitkan. Defendan-defendan dalam permohonan ini mendakwa, antara lain, (a) defendan-defendan telah dipaksa
G untuk menandatangani kertas kosong sebagai jaminan bagi transaksi pinjaman yang dilakukan di antara plaintif-plaintif dan defendan-defendan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 ('Akta'); (b) pinjaman tersebut mengenakan kadar faedah yang tinggi yang tidak boleh dikuatkuasakan menurut Akta tersebut; dan (c) perjanjian-perjanjian yang didakwa oleh
H plaintif-plaintif tidak wujud dan injunksi interim yang diperolehi adalah berdasarkan kepada perjanjian yang palsu. Plaintif dalam menentang permohonan menghujahkan bahawa permohonan defendan-defendan adalah bertentangan dengan A 24 KMT kerana tiada apa-apa peruntukan di bawah KMT bagi membolehkan permohonan ini.

I

Diputuskan, membenarkan permohonan:

(1) Mahkamah mempunyai budi bicara di bawah A 24 k 10 KMT untuk

membenarkan permohonan mana-mana pihak bagi melakukan pemeriksaan terhadap dokumen-dokumen yang telah dirujuk di dalam pliding atau pun afidavit, manakala A 24 k 12 KMT adalah budi bicara mahkamah untuk mengarahkan mana-mana pihak yang memiliki sesuatu dokumen yang relevan yang dirujuk di dalam afidavit atau pliding mengemukakannya untuk pemeriksaan. Jika terdapat keraguan mengenai ketulenan sesuatu dokumen yang dirujuk, maka mahkamah boleh mengarahkan supaya dokumen asal dikemukakan untuk diperiksa (lihat perenggan 5, 6 & 11); *Re, Yang Aang Leng; Ex-parte: Hanson Quarry Products Sdn Bhd* [2008] MLJU 158 dirujuk.

(2) Dokumen-dokumen asal perjanjian-perjanjian tersebut yang diminta oleh pihak defendan-defendan merupakan teras pembelaan defendan-defendan dan adalah wajar jika perjanjian-perjanjian tersebut dizahirkan untuk diperiksa oleh defendan-defendan (lihat perenggan 10); *Dato' Hamzah bin Abdul Majid & Anor v Wembley Industries Holdings Berhad & Anor* [2002] MLJU 754 dirujuk.

(3) Walaupun wujudnya penghakiman persetujuan di antara plaintif-plaintif dan defendan-defendan, hak-hak kedua-dua defendan tidak diketepikan untuk penzahiran dokumen-dokumen asal tersebut kerana penghakiman tersebut masih dipertikaikan dan kelihatan masih belum muktamad (lihat perenggan 12).

[English summary

The plaintiffs in this case had filed an injunction application against both the defendants to claim a sum of RM1,521,255 and RM356,147.64. In the said application, the plaintiffs alleged that the defendants had entered into agreements which were disputed namely: (1) two agreements dated 7 January 2006 for RM380,000 and RM1m respectively; (2) a sale and purchase of shares agreement dated 20 April 2006; and (3) an agreement dated 20 November 2006. All these agreements were exhibited and the court allowed the said injunction order. Hence the defendants in this application applied to the court pursuant to O 24 r 10 of the Rules of the High Court 1980 ('RHC'), to direct the plaintiffs to produce the original documents exhibited. The defendants in the application alleged, inter alia, that (a) the defendants were forced to sign on blank papers as a guarantee for a loan transaction entered into between the plaintiffs and the defendants under the Moneylenders Act 1951 ('the Act'); (b) the said loan required a high interest rate which was unenforceable under the Act; and (c) the agreements alleged by the plaintiffs did not exist and an interim injunction which was obtained was based on false agreement. The plaintiff in opposing the application submitted that the defendants' application was contrary to O 24 of the RHC as there was no provision under the RHC to enable this application.

Held, allowing the application:

(1) The court has a discretion under O 24 r 10 of the RHC to allow an application by any parties to enable an inspection of the documents referred to in the pleadings or affidavits, whereas O 24 r 12 of the RHC was on the discretion of the court to direct any party who was in possession of any relevant documents referred to in the affidavits or pleadings to produce it for inspection. If there was any doubt on the genuineness of a particular document referred to, the court could direct that the original document be produced for inspection (see paras 5, 6 & 11); *Re Yang Aang Leng; Ex parte Hanson Quarry Products Sdn Bhd* [2008] MLJU 158 referred.

(2) The original documents of the said agreements requested by the defendants formed the core of their defence and it was only proper for the said agreements to be disclosed for inspection by the defendants (see para 10); *Dato' Hamzah bin Abdul Majid & Anor v Wembley Industries Holdings Bhd & Anor* [2002] MLJU 754 referred.

(3) Although there exists consent judgment between the plaintiffs and the defendants, the rights of both defendants were not cast aside for the disclosure of the original documents as the said judgment was still being disputed and it did not appear to be final (see para 12).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk penzahiran dokumen, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 2448–2458.

Kes-kes yang dirujuk

Dato' Hamzah bin Abdul Majid & Anor v Wembley Industries Holdings Bhd & Anor [2002] MLJU 754 (dirujuk)

Metro Giant Group Sdn Bhd v Gala Sari Resources Sdn Bhd & Ors [2007] 7 MLJ 52 (dirujuk)

Syarikat Chin Seng Supermarket v United Continental Insurance Sdn Bhd [1997] 5 MLJ 121 (dirujuk)

Syarikat Ying Mui Sdn Bhd v Yeh Ying Sdn Bhd [2003] MLJU 371 (dirujuk)

Yang Aang Leng; Ex parte Hanson Quarry Products Sdn Bhd, Re [2008] MLJU 158 (dirujuk)

Yekambaran Marimuthu v Malayawata Steel Berhad [1993] MLJU 96 (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pemberi Pinjam Wang 1951
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 24, A 24 k 10, A 24 k 12

M Manian (Manian K Marappan & Co) bagi pihak plaintif.
Shaik Saleem Shaik Mohd Daud (Shaik Adam & Co) bagi pihak defendan.

Ahmadi Asnawi PK:

[1] Permohonan defendan-defendan di lampiran 34 adalah dibuat menurut A 24 k 10 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') supaya mahkamah mengarahkan plaintif-plaintif untuk mengemukakan dokumen-dokumen asal yang telah diekshibitkan di dalam afidavit sokongan plaintif yang bertarikh 29 Januari 2007 khususnya eksh 7, 8, 9, 14 dan 15 untuk diperiksa di hadapan mahkamah.

[2] Secara ringkasnya, fakta di dalam kes ini adalah seperti berikut. Plaintif-plaintif di dalam kes ini telah memfailkan satu permohonan untuk injunksi (lampiran 3) terhadap defendan pertama dan kedua bagi menuntut wang berjumlah RM1,521,255 dan RM356,147.64. Plaintif-plaintif mendakwa bahawa defendan-defendan ada memasuki dua perjanjian bertarikh 7 Januari 2006 yang berjumlah RM380,000 dan RM1,000,000, serta perjanjian bertarikh 20 April 2006 bagi jual beli saham, dan satu perjanjian lagi bertarikh 20 November 2006. Perjanjian-perjanjian itu telah diekshibitkan dalam afidavit yang menyokong permohonan plaintif untuk mendapatkan perintah injunksi, dan plaintif-plaintif telah berjaya di dalam permohonannya. Bagaimanapun, defendan-defendan telah menafikan segala dakwaan plaintif dan menyatakan bahawa mereka tidak pernah memasuki perjanjian-perjanjian yang dinyatakan. Selanjutnya, defendan-defendan mendakwa bahawa mereka telah dipaksa untuk menandatangani kertas kosong sebagai jaminan bagi transaksi pinjaman yang dilakukan antara plaintif dan defendan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951('Akta'). Defendan-defendan juga menyatakan bahawa pinjaman tersebut telah dikenakan kadar faedah yang tinggi (8% sebulan) dan oleh itu ianya tidak boleh dikuatkuasakan menurut Akta berkenaan. Menurut defendan-defendan perjanjian-perjanjian yang dinyatakan oleh plaintif adalah tidak wujud sama sekali dan injunksi interim yang diperolehi terhadap defendan-defendan adalah berdasarkan kepada perjanjian yang palsu. Oleh itu, melalui permohonan ini defendan-defendan memohon supaya perjanjian-perjanjian asal tersebut dikemukakan di hadapan mahkamah untuk diperiksa.

An important pre-trial process would be by way of a discovery as set out in O 24 of the RHC. It is a process whereby the parties would immensely gain from it if it is adopted with the greatest circumspection. Discovery would be two fold. One entails discovery of document which relates to matters in dispute and that document is in the possession of the opposite party. The other would relate to discovery by way of an interrogatory of the facts that is relevant to the issue at hand and within the knowledge of the party that is being interrogated. Under O 24 r 1 of the RHC, in an action begun by writ, discovery of documents would be automatic and it is normally done within 14 days after the pleadings are deemed

A to be closed. To me, discovery under O 24 of the RHC would extend to all materials that come under the purview of s 3 of the Evidence Act 1950. The case of *Gant v South Western & Country Properties* [1975] Ch 185 would be a case in point. The court will not be deterred in ordering discovery even if it involved voluminous documents (*Faber Merlin Malaysia Bhd v Ban Guan Sdn Bhd* [1980] 1 LNS 189; [1981] 1 MLJ 105).

B

[3] Untuk membolehkan sesuatu penzahiran dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, terdapat beberapa elemen yang mesti dipenuhi sebelum permohonan tersebut dapat dibenarkan oleh mahkamah.
C Elemen-elemen tersebut telah dijelaskan oleh Edgar Joseph Jr SCJ di dalam kes *Yekambaran Marimuthu v Malayawata Steel Berhad* [1993] MLJU 96, sebagaimana berikut:

> The essential elements for an order for discovery are threefold; namely, first there
D must be a 'document', secondly, the document must be 'relevant' and thirdly, the document must be or have been in the 'possession, custody or power' of the party against whom the order for discovery is sought.
>
> It is indisputable, that the items of which discovery is sought are documents and that they are in the possession, custody or power of the defendant and nothing
E more need be said about this.
>
> As to 'relevance', our Rules of the High Court limit discovery to documents which are 'relevant to' or 'relate' to the factual issues in dispute.
>
> More particularly, the discovery obligation applies to documents 'relating to
F matters in question in the action' [Rules of the High Court, O 24 r 1(1)] or 'relating to any matter in question in the cause or matter' [O 24 r 3(1)]. In practice, relevance is primarily determined by reference to the pleadings but there need not be a pleading for a matter to be said to be in issue, (see *Phillips v Phillips* (1879) 40 LT 815 at p 821.

G

[4] Berpandukan kepada kes di atas, apa yang perlu ditentukan oleh mahkamah di dalam kes ini ialah sama ada terdapatnya dokumen yang relevan yang berada di dalam jagaan atau milikan pihak plaintif. Nampaknya, di dalam perkara ini, pihak plaintif tidak menafikan kewujudan
H dokumen-dokumen berkenaan. Bagaimanapun, plaintif menghujahkan bahawa permohonan defendan adalah bertentangan dengan A 24 KMT kerana tiada apa-apa peruntukan di bawah kaedah berkenaan yang membolehkan permohonan dibuat bagi maksud untuk mengemukakan dokumen di hadapan mahkamah. Pada pendapat mahkamah, hujahan yang
I diutarakan oleh peguam plaintif adalah begitu mengelirukan dan cuba menafikan kuasa budi bicara yang diberikan kepada mahkamah. Pemakaian A 24 KMT secara amnya, dan secara spesifik A 24 k 10 kaedah yang berkenaan telah pun diterangkan oleh Ramly Ali J di dalam kes *Syarikat Ying Mui Sdn Bhd v Yeh Ying Sdn Bhd* [2003] MLJU 371, seperti berikut:

There is a distinction between the rules of court ancillary to and corresponding with O 24 r 10 (relating to inspection of documents referred to in pleadings and affidavits) and the general rules as to discovery of documents (under O 24 r (1)–(9) of the RHC 1980). In *Quilter v Heatly* (1883) 23 Ch D 50, Lindley LJ drew a distinction between the rules under O 24 r 10 of the RSC (which is pari materia with our O 24 r 10 of the RHC 1980) and the general rules as to discovery of documents. He said:

> These rules were evidently intended to give the opposite party the same advantage as if the documents referred to had been fully set out in the pleadings.
>
> The rules relating to discovery cover much wider range of documents compared to the rules for inspection of documents under O 24 r 10 of the RHC 1980. The documents which are the subject matter to process of discovery are documents which are or have been in a party's possession, custody or power relating to any matter in question in the cause or matter. It covers all documents relating to any issue or question raised or relevant to any cause or matter before the court; and those documents must be or have been in his possession, custody or power.

While the rules relating to inspection of documents under O 24 r 10(1) of the RHC 1980 confine to a more limited scope of documents ie, only document(s) referred to or mentioned in any pleadings or affidavits in a cause or matter before the court. Documents which may be relevant in a cause or matter but not referred to in any pleadings or affidavits are excluded from the scope of the rules. The court has no power to grant an order requesting the plaintiff to allow inspection of those documents unless the defendants proceeded by way of an application for discovery under O 24 r 3 or 7 of the RHC 1980.

[5] Seperti yang dinyatakan di dalam kes di atas, penzahiran di bawah A 24 r 10 KMT hanya terhad kepada dokumen yang dirujuk di dalam pliding atau pun afidavit, dan mahkamah mempunyai budi bicara untuk membenarkan pemohonan oleh mana-mana pihak untuk melakukan pemeriksaan terhadap dokumen-dokumen yang telah dirujuk. Di dalam kes ini dokumen-dokumen yang diminta oleh defendan untuk dikemukakan bagi maksud pemeriksaan telah pun dirujuk oleh plaintif di dalam afidavitnya atau pun di dalam pliding, dan dengan itu mahkamah berpendapat adalah tidak salah untuk defendan memohon kepada mahkamah supaya plaintif mengemukakan salinan-salinan asal dokumen-dokumen tersebut bagi maksud pemeriksaan.

[6] Selanjutnya, menurut A 24 k 12, mahkamah boleh memerintahkan mana-mana pihak untuk mengemukakan kepada mahkamah apa-apa dokumen dan mahkamah mempunyai kuasa budi bicara untuk mengendalikan dokumen tersebut dalam apa-apa cara yang difikirkannya sesuai. Berikut adalah peruntukan A 24 k 12 KMT:

Rule 12 Order for production to Court. (O 24 r 12)

> At any stage of the proceedings in any cause or matter the Court may, subject to rule 13(1), order any party to produce to the Court any document in his possession, custody or power relating to any matter in question in the cause or matter and the Court may deal with the document when produced in such manner as it thinks fit.

[7] Di dalam membincangkan peruntukan A 24 r 12 KMT berkenaan, YA Nik Hashim bin Nik Ab Rahman di dalam kes *Syarikat Chin Seng Supermarket v United Continental Insurance Sdn Bhd* [1997] 5 MLJ 121 telah menyatakan seperti berikut:

> The effect of r 12, which should be read with r 13, is that it gives the power to the court at any stage of the proceedings to order any party to produce to the court any document in his possession, custody or power; whereas para (1) of r 13 stipulates the guiding consideration for any order for production and inspection, whilst para (2) empowers the court where an objection to production or inspection is made on a claim for privilege to determine the validity of such objection. By the terms of the provisions under the rules, the power of the court to order production of any document, to my mind, is discretionary in nature, the exercise of which depends on the merit of each case. It is not the law that the party seeking the production of the document is entitled to the production as of right. The party has to satisfy the Court that its application fits in with the above rules (see *Mallal's Supreme Court Practice* (2nd Ed) Vol 1, p 317).

[8] Adalah jelas dari peruntukan A 24 k 12 dan pernyataan di atas bahawa mahkamah mempunyai budi bicara untuk mengarahkan mana-mana pihak yang memiliki sesuatu dokumen yang relevan dan dirujuk di dalam afidavit atau plidingnya untuk mengemukakan dokumen tersebut bagi maksud pemeriksaan. Untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai proses penzahiran dokumen, berikut adalah petikan dari *Halsbury's* sebagaimana yang telah dirujuk di dalam kes *Metro Giant Group Sdn Bhd v Gala Sari Resources Sdn Bhd & Ors* [2007] 7 MLJ 52, iaitu:

> These letters were in fact used in the discovery process which is an integral step in the main action which had commenced in August 2004. See *Halsbury's* (4th Ed) Vol 13, p 2:
>
> (1) Meaning and function of discovery. The term 'discovery' in this title is used to describe the process by which the parties to a civil cause or matter are enabled to obtain, within certain defined limits, full information of the existence and the contents of all relevant documents relating to the matters in question between them. The process of the discovery of documents operates generally in three successive stages, namely (1) the disclosure in writing by one party to

the other of all the documents which he has or has had in his possession, custody or power relating to matters in question in the proceedings; (2) the inspection of the documents disclosed, other than those for which privilege from or other objection to production is properly claimed or raised; and (3) the production of the documents disclosed either for inspection by the opposite party or to the court.

[9] Penzahiran menurut petikan di atas boleh dilakukan dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang dizahirkan untuk diperiksa oleh pihak lawan atau pun dikemukakan kepada mahkamah. Oleh itu tidak ada sebab plaintif mendakwa permohonan defendan tidak terdapat di dalam A 24 KMT. Oleh yang itu, pada pendapat mahkamah permohonan yang dibuat oleh pihak defendan adalah mematuhi peruntukan yang ditetapkan kaedah, dan bukannya sebagaimana yang dihujahkan oleh pihak plaintif. Namun demikian, defendan selaku pemohon masih dikehendaki untuk memuaskan mahkamah kenapa permohonan tersebut dilakukan, dan adakah permohonan tersebut adalah sesuai dibenarkan di dalam keadaan kesnya.

[10] Jika diteliti, dokumen-dokumen asal yang diminta oleh pihak defendan melalui para 1 dan 2 kepada lampiran 134 adalah merupakan dokumen-dokumen yang menjadi teras pembelaan defendan pertama, di mana di dalam pembelaannya defendan pertama menyatakan bahawa beliau tidak pernah memasuki perjanjian-perjanjian persahabatan bertarikh 7 Januari 2006 untuk jumlah RM380,000, dan perjanjian bertarikh 20 November 2006 untuk jumlah RM1,000,000. Di dalam kes *Dato' Hamzah bin Abdul Majid & Anor v Wembley Industries Holdings Bhd & Anor* [2002] MLJU 754, mahkamah telah menyatakan bahawa oleh kerana laporan yang diminta adalah membentuk dasar pembelaan defendan bagi penghakiman terus, maka laporan tersebut wajar dizahirkan kerana ianya relevan dan dapat membantu penyelesaian kes secara adil dan saksama. Di dalam kes ini perjanjian yang diminta juga menjadi dasar pembelaan kes defendan, maka pada pendapat mahkamah adalah wajar jika perjanjian asal tersebut dizahirkan untuk diperiksa oleh pihak defendan.

[11] Defendan pertama juga menafikan pernah menandatangani perjanjian jualbeli saham defendan kedua pada tarikh 20 April 2006. Sebaliknya, defendan pertama menyatakan bahawa transaksi yang wujud adalah transaksi pinjaman wang di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 yang mana transaksi tersebut adalah tidak memenuhi keperluan Akta berkenaan dan dengan itu tidak boleh dikuatkuasakan. Defendan pertama mendakwa beliau telah dipaksa menandatangani borang kosong dan dikenakan faedah yang tinggi. Bagi defendan, perjanjian tersebut hanya merupakan rekaan semata-mata. Berkenaan dengan ketulenan sesuatu dokumen yang dirujuk.

Mahkamah telah memutuskan bahawa jika terdapatnya keraguan mengenai ketulenan sesuatu dokumen maka mahkamah boleh mengarahkan supaya dokumen yang asal dikemukakan untuk diperiksa. Di dalam kes *Re Yang Aang Leng; Ex parte Hanson Quarry Products Sdn Bhd* [2008] MLJU 158, mahkamah telah menyatakan:

> Under O 41 r 11 of the Rules of the High Court 1980, only a copy of a document to be used in an affidavit needs to be annexed to the affidavit which the judgment creditor had complied with in this case.
>
> An exhibit is a part of an affidavit. The opposing party has a right to demand inspection of the exhibit annexed to the affidavit. See *Re Hinchliffe* [1895] 1 Ch 117.
>
> Alternatively, where there is reason to doubt the authenticity of the exhibit, the court may act under the rule relating to discovery of documents specifically under O 24 r 12 to produce the original for its inspection.

[12] Di dalam keadaan kes ini, mahkamah berpendapat bahawa dokumen-dokumen asal yang diminta dikemukakan itu adalah dokumen-dokumen yang amat relevan kepada isu-isu yang diutarakan oleh defendan bagi membolehkan beliau menyediakan pembelaanya. Salinan-salinan asal dokumen yang diminta adalah wajar dikemukakan untuk diperiksa oleh defendan. Dokumen-dokumen yang dipohon oleh defendan untuk dikemukakan bagi maksud pemeriksaan telah pun dirujuk oleh plaintif di dalam afidavitnya atau pun di dalam pliding, dan dengan itu mahkamah berpendapat adalah wajar untuk salinan asal dokumen tersebut dikemukakan kepada defendan untuk maksud pemeriksaan. Isu bahawa wujud satu penghakiman persetujuan di antara pihak plaintif-plaintif dan defendan-defendan dalam kes ini sebelum ini tidak mengenepikan hak defendan-defendan untuk penzahiran dokumen-dokumen asal tersebut. Ini kerana penghakiman tersebut sekarang ini masih dipertikaikan dan tidak nampak kemuktamadannya.

[13] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan, mahkamah dengan ini membenarkan permohonan defendan seperti dalam perenggan 1, 2 dan 3 lampiran 134. Mahkamah juga mengarahkan supaya penzahiran tersebut dibuat di hadapan penolong kanan pendaftar mahkamah ini. Dengan itu kedua pihak perlu membuat satu temujanji dengan PKP berkenaan untuk mencapai maksud ini.

Permohonan dibenarkan.

Reported by Zalmanizam Mahadi